

KUCHING, Rabu — Barisan Nasional Sarawak belum membuat sebarang cadangan baru kepada Perdana Menteri mengenai perwakilannya dalam Kabinet Persekutuan yang baru, Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud berkata hari ini.

Bercakap kepada para pemberita sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, beliau berkata adalah hak mutlak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Barisan Nasional untuk memilih para anggota Kabinetnya.

"Saya berpendapat perwakilkan kami dalam Kabinet Persekutuan diberi pertimbangan yang wajar di masa-masa lalu dan saya tidak melihat mengapa pertimbangan yang serupa tidak diberikan kali ini," tegasnya.

Datuk Patinggi Haji Abdul Taib, yang juga Pengerusi Barisan Nasional Negeri berkata, beliau menerima keputusan para pengundi dalam pilihanraya Parlimen di negeri ini.

Barisan Nasional tewas di lima daripada 24 kerusi Parlimen di negeri ini — Bandar Kuching dan Bandar Sibul kepada DAP sementara Mas Gading, Saratok dan Batang Lupar kepada calon-calon bebas.

Keputusan bagi kawasan Batang Lupar yang dimenangi oleh bekas wakil rakyatnya yang bertanding semula sebagai calon bebas, Datuk Edwin Tangkun, merupakan yang terakhir diumumkan semalam.

Penyertaan wakil Sarawak Kabinet Pusat: Terserah kepada PM

Mengulas kemenangan DAP yang berpanjangan di Semenanjung Malaysia di kubu-kubu kuat SUPP, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib berkata, ia merupakan perkara sementara sahaja kerana sokongan yang diberikan datang daripada pengundi yang mengundi buat kali pertama.

Terpengaruh

Para pengundi itu terialu mudah dipengaruhi oleh dakwah-dakwah jangka pendek dan kempen-kempen berdasarkan emosi oleh pihak pembangkang, katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin golongan tersebut yang berjumlah 9,000 orang di Bandar Kuching



DATUK PATINGGI
A. TAIB MAHMUD

dan 8,000 orang di Bandar Sibul tidak akan terpengaruh lagi di masa akan datang.

Beliau juga menafikan mereka anti-kerajaan kerana setengah-setengah

mereka terutama di Bandar Kuching adalah di dalam kerajaan.

Datuk Patinggi Haji Abdul Taib menyatakan DAP dapat mencapai kemenangan di Sarawak kerana menerima undi simpati setelah mengalami kekalahan teruk di Semenanjung.

"Inilah yang boleh berlaku jika pengundian dijalankan berperingkat-peringkat. Ia mungkin menguntungkan kami atau merugikan kami seperti yang telah berlaku kali ini."

Mengenal kekalahan Timbalan Pengerusi SUPP, Datuk Dr. Wong Soon Kai di tangan calon DAP, Encik Ling Sie Ming di Bandar Sibul, beliau berkata Datuk Dr. Wong tidak seharusnya menerima kekalahan.

Sederhana

"Saya tahu beliau seorang pemimpin yang berdedikasi dan sentiasa berusaha memperbaiki kepentingan rakyat dan oleh kerana beliau berikap sederhana, DAP telah mengambil kesempatan darinya."

Datuk Patinggi Haji Abdul Taib menambah para pengundi akan sedar bahawa, Datuk Dr. Wong adalah orang yang lebih berupaya mewakili kawasan Bandar Sibul.

Mengenal kekalahan calon-calon Barisan Nasional di tangan calon bebas, beliau berkata ini tidak disebabkan para pengundi tidak mengenali Barisan Nasional lagi tetapi kerana mereka lebih yakin terhadap calon yang pernah mewakili mereka.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2689
No. Penerimaan 435/85